

Pelaksanaan Pendekatan Bertema Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Implementation Of Thematic Approach In Teaching And Learning Malay Language)

Umabarathi Moorthy^{1*}, Muna Ruzanna Wan Mohammad¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p118990@siswa.ukm.edu.my

Received: 25 January 2024 | Accepted: 10 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.33>

Abstrak: Pendekatan bertema merujuk kepada satu amalan pengajaran dan pembelajaran yang ada kesepaduan ilmu dan pembelajaran mendalam yang menjurus kepada pembelajaran bermakna dan menyeronokkan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan pengajaran pendekatan bertema serta meneroka amalan pengajaran guru dalam mengaplikasikan pendekatan bertema dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan reka bentuk kualitatif. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang terletak di daerah Bagan Datuk, Perak dengan dua orang guru Bahasa Melayu dijadikan peserta kajian. Instrumen temu bual separa struktur digunakan dan di transkrip untuk dianalisis bagi mendapatkan tema kajian. Analisis kajian menunjukkan terdapat satu tema utama yang diperolehi adalah konsep dengan tiga sub tema, iaitu kaedah, strategi dan langkah dan ini menunjukkan guru mempunyai pengetahuan yang mendalam. Manakala bagi pengaplikasian terdapat tiga tema iaitu, kandungan, proses dan pentaksiran dalam pengajaran Bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa peserta kajian telah mengikuti enam langkah pelaksanaan seperti yang disarankan dalam Buku Panduan Pendekatan Bertema dengan sepenuhnya untuk merancang dan mengaplikasikan pendekatan bertema dalam pengajaran Bahasa Melayu. Jelasnya amalan pengajaran peserta kajian merangkumi perancangan yang sistematik dan pelaksanaan pengajaran mengikut abad ke-21. Justeru, pelaksanaan pendekatan bertema dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pendekatan ini perlu diimplementasikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di semua sekolah.

Kata Kunci: Pendekatan Bertema, Amalan Pengajaran, Pengajaran Dan Pembelajaran, Bahasa Melayu

Abstract: The thematic approach refers to a teaching and learning practice that has an integration of knowledge and in-depth learning that leads to meaningful and enjoyable learning. This study aims to explore the teaching knowledge of the thematic approach as well as explore the teaching practice of teachers in applying the thematic approach in Malay Teaching and Learning by using a qualitative design. This study was conducted in two Tamil National Type schools located in Bagan Datuk district, Perak with two Malay teachers as study participants. A semi-structured interview instrument was used and transcribed to be analyzed to obtain research themes. The analysis of the study shows that there is one main theme obtained which is a concept with three sub-themes, namely methods, strategies and steps and this shows that the teacher has in-depth knowledge. While for the application there are three

themes namely, content, process and assessment in the teaching of Malay language. This proves that the study participants have followed the six implementation steps as recommended in the Thematic Approach Guidebook fully to plan and apply the thematic approach in teaching Malay language. It is clear that the teaching practices of the study participants include systematic planning and implementation of teaching according to the 21st century. Therefore, the implementation of a themed approach can improve the quality of teachers' teaching and this approach needs to be implemented in Malay language subjects in all schools.

Keywords: Thematic Approach, Teaching Practice, Teaching and Learning Sessions, Malay Language

1. Pendahuluan

Pada tahun 2011 kurikulum berasaskan standard telah mula dilaksanakan dengan melibatkan perubahan kandungan, kemahiran, nilai dan elemen merentas kurikulum selaras dengan perkembangan global. Perubahan dalam sistem pendidikan ini telah menuntut guru merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menggalakkan pembelajaran bermakna dengan mengambil kira minat, cara murid belajar, dan situasi. Dalam konteks ini, pendekatan bertema adalah salah satu pendekatan yang dicadangkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada guru untuk melaksanakannya dalam sesi PdP. Pendekatan bertema merujuk kepada pemilihan satu tema yang boleh diaplikasikan dalam beberapa mata pelajaran agar murid belajar berfikir secara kreatif dan kritis lalu menerapkan pemahaman yang diterima dalam kehidupan seharian. Pendekatan bertema juga menekankan pembelajaran bermakna di mana murid dapat meneroka lalu mencipta pengetahuan dan kemahiran yang baharu untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan.

Pelaksanaan pendekatan bertema menekankan pemilihan satu tema utama dan subtema-subtema yang perlu bersesuaian dengan masa, minat dan latar belakang murid. Menurut Olga et. al, (2012) tema yang dipilih perlu merentas semua tunjang, bersesuaian dan berkaitan dengan pengalaman dan kehidupan murid, sesuai dengan situasi, masa dan peristiwa. Berdasarkan Panduan Pendekatan Bertema dalam Pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan (2018) pendekatan bertema menekankan pengajaran konsep yang diajar secara bersepadu di bawah satu tema dan melibatkan pengintegrasian atau kesepaduan pengetahuan dan kemahiran. Menurut Andi Prastowo (2021) pendekatan bertema adalah proses pembelajaran yang penuh bermakna dan berwawasan multikurikulum yang menjurus kepada dua sub topik iaitu penguasaan yang lebih bermakna bagi kehidupan dan pengembangan kemampuan berfikir secara matang dan sikap dewasa dalam mengatasi masalah kehidupan.

Di Malaysia, pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menjalankan pelaziman pendekatan bertema secara rintis sepanjang sesi akademik 2022 /2023 dengan melibatkan 365 buah sekolah di seluruh negara. Dapatan mendapati pendekatan bertema boleh dilaksanakan sebagai salah satu pendekatan dalam sesi PdP kerana pendekatan ini dapat membantu murid membuat perkaitan dalam beberapa bidang ilmu dan kehidupan seharian. Pendekatan bertema membolehkan murid menguasai pelajaran melalui pemahaman yang mendalam dan bukan melalui kaedah hafalan semata-mata terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pada masa yang sama, pengaplikasian pendekatan bertema memberi peluang kepada guru melaksanakan sesi PdP yang berkualiti dengan mengambil kira minat, situasi dan pengalaman murid. Sehubungan itu, guru Bahasa Melayu terutamanya perlu meningkatkan pengetahuan tentang pelaksanaan pendekatan bertema dan mengamalkannya semasa sesi PdP.

2. Pernyataan Masalah

Pendekatan yang bersesuaian dalam proses PdP dikatakan sangat bermanfaat kepada murid kerana mewujudkan proses penerimaan ilmu yang lebih berkesan. Dalam konteks ini pelaksanaan pendekatan bertema dalam sesi PdP masih amalan yang baharu dalam negara berbanding di luar negara. Lutut et al., (2020) melaporkan bahawa cabaran utama pelaksanaan kurikulum bertema dikaitkan dengan pengetahuan guru. Dapatan kajian berkenaan menunjukkan guru-guru berasa rasa tidak yakin untuk mengajar dengan mengintegrasikan mata pelajaran kerana tidak menguasai amalan pelaksanaannya. Menurut Mohd Rohiman dan rakan-rakannya (2022), kesediaan dan kemampuan guru telah menjadi isu utama dalam memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan pendekatan bertema, pengajaran terbeza dan modular berdasarkan KPMPerkasaKU. Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa guru masih belum menyesuaikan diri dengan pendekatan bertema kerana kurangnya pengetahuan tentang cara pelaksanaannya. Tarmizi (2008) menyatakan guru kurang menguasai sesuatu tema secara mendalam dan sukar mengaitkannya dalam pengajaran. Manakala, Novtryananda (2022), memberitahu bahawa kekurangan pemahaman guru tentang kurikulum bertema adalah cabaran utama pelaksanaan kurikulum ini di sekolah. Justeru, kekurangan tumpuan kajian pelaksanaan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu di dalam negara dikenal pasti. Menurut Mazuki (2011) kaedah pengajaran tradisional secara 'chalk and talk' dianggap ketinggalan zaman dan kurang memberikan impak kepada tahap perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif murid. Disebabkan pelaksanaan pendekatan bertema masih baharu dalam kalangan guru, ini telah membuka ruang kepada pengkaji melaksanakan kajian untuk meneroka pengetahuan amalan pengajaran guru menggunakan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu dengan lebih mendalam.

3. Kepentingan kajian

Kajian ini penting dilaksanakan dalam kalangan guru Bahasa Melayu untuk meneroka pengetahuan dan amalan pelaksanaan pendekatan baharu dalam sesi pengajaran seperti pendekatan bertema berbanding dengan amalan pengajaran tradisional. Sehubungan itu kajian ini penting kepada guru untuk memperoleh maklumat yang mendalam tentang perancangan sesi PdP bertema, pemilihan strategi, pemilihan aktiviti berdasarkan kebolehan murid serta cara pelaksanaan pengajaran bertema. Maklumat yang diperolehi akan membantu guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk mengaplikasikan pendekatan bertema dalam sesi PdP. Kajian ini juga penting bagi guru Bahasa Melayu untuk mewujudkan peluang kepada murid-murid terlibat dalam pembelajaran mendalam yang menjurus kepada pembelajaran bermakna dan menyeronokkan.

4. Objektif Kajian

- i. Meneroka pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang konsep pendekatan bertema.
- ii. Meneroka amalan pengajaran guru mengaplikasikan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu.

5. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi memahami lebih terperinci berkenaan sesuatu perkara yang dikaji dengan meneroka proses dan amalan atau praktik yang menyediakan perspektif yang terperinci dalam kaedah kualitatif. Ini bertepatan dengan keperluan kajian untuk meneroka secara mendalam terhadap pengetahuan dan amalan

pengajaran pendekatan bertema yang digunakan oleh guru dalam PdP Bahasa Melayu. Peserta kajian terdiri daripada dua orang guru Bahasa Melayu dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daerah Bagan Datuk Perak yang berpengalaman dalam mengaplikasikan pendekatan bertema dalam sesi PdP Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan inventori protokol temu bual sebagai instrumen utama kajian dan sebagai kaedah pengumpulan data. Inventori protokol temu bual separa struktur tersebut telah dibina oleh pengkaji dengan merujuk kepada Buku Panduan Pendekatan Bertema dan beberapa hasil dapatan daripada kajian lepas serta analisis dokumen. Menurut Zelditch (1962), temu bual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang berkesan dan melibatkan komunikasi sosial antara pengkaji dan peserta kajian untuk mendapatkan data. Manakala Merriam (2001) menyatakan temu bual separa berstruktur yang dilakukan secara bersemuka membantu pengkaji mendapatkan data lebih tepat. Pengkaji turut melihat dokumen seperti Rancangan Pengajaran Tahunan, Rancangan Pengajaran Harian, laporan pelaksanaan pendekatan bertema, bahan pembelajaran murid untuk mengetahui cara peserta kajian merancang dan mengaplikasikan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif iaitu hasil perbualan dinilai dari aspek kehendak objektif kajian yang dilaksanakan.

6. Dapatan Kajian

Profil peserta kajian dapat ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah terdiri daripada dua guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Kedua-dua peserta kajian mempunyai pengalaman mengaplikasikan pendekatan bertema dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Peserta kajian 1 (PK1) merupakan guru dalam gred jawatan DG 41 yang mengajar Bahasa Melayu tahun 4 dan peserta kajian 2 (PK2) bertugas sebagai guru dalam gred jawatan DG44 yang mengajar Bahasa Melayu tahun 2. Kedua-dua peserta kajian bertugas di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil daerah Bagan Datuk. Tambahan pula, PK 1 mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu selama 3 tahun, manakala PK 2 mempunyai pengalaman selama 5 tahun. Dari segi kelulusan ikhtisas pula, PK 1 dan PK2 merupakan guru yang telah tamat Ijazah Sarjana Muda dalam pendidikan Bahasa Melayu.

Jadual 1: Profil peserta kajian

Profil peserta kajian	Peserta Kajian 1 (PK1)	Peserta Kajian 2 (PK2)
Lokasi bertugas	Bagan Datuk	Bagan Datuk
Jantina	Perempuan	Perempuan
Gred Jawatan	DG 41	DG 44
Opsyen	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
Pengalaman mengajar Bahasa Melayu	3 Tahun	5 Tahun
Kelulusan Ikhtisas	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda

Pengetahuan Tentang Konsep Pendekatan Bertema

Konstruk utama dikaitkan dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang konsep pendekatan bertema. Sesi temu bual dilaksanakan bersama kedua-dua peserta kajian untuk meneroka pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang konsep pendekatan bertema.

Jadual 2: Pengetahuan guru tentang pendekatan bertema

Konstruk	Tema	Sub Tema	PK 1	PK 2	Jumlah
Pengetahuan	Konsep	Kaedah	/	/	2
		Strategi	/	/	2
		Langkah	/	/	2

Sub Tema 1: Kaedah

Pendekatan bertema ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan tema sebagai medium pengajaran. Penggunaan tema ini membolehkan penyerapan pelbagai bidang ilmu dan memberi lebih peluang kepada murid untuk membuat hubung kait tentang apa yang dipelajari melalui tema dengan kehidupan harian sebenar. Lantaran itu, pengkaji meminta peserta kajian untuk menjelaskan tentang kaedah pengajaran pendekatan bertema. Jawapan peserta kajian semasa temu bual menunjukkan kedua-dua peserta kajian memberikan penjelasan berkenaan kaedah pengajaran pendekatan bertema. Berikut adalah maklum balas yang diberikan oleh PK 1 dan PK2:

“...Pendekatan bertema adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan tema dan ada penggabungan dengan mata pelajaran lain. Maksudnya 2 atau 3 mata pelajaran akan diajar berdasarkan satu tema atau sub tema yang sama...”
PK1

“...Pendekatan bertema merupakan satu kaedah PdP yang baru. Jadi murid akan belajar berkaitan satu tema dalam mata pelajaran yang berlainan dalam satu tempoh masa...”
PK 2

Sub Tema 2: Strategi

Pemilihan strategi merupakan komponen yang penting dalam merancang dan melaksanakan pendekatan bertema. Terdapat tiga strategi disarankan bagi pelaksanaan pendekatan bertema. Strategi 1 merujuk kepada subtema berbeza melalui beberapa mata pelajaran. Strategi 2 pula merujuk kepada subtema yang sama melalui beberapa mata pelajaran dan strategi 3 merupakan projek melalui pendekatan bertema. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui penguasaan peserta kajian tentang jenis strategi pendekatan bertema. PK 1 menjelaskan ketiga-tiga strategi dengan jelas dan terperinci, manakala PK 2 menjelaskan ketiga strategi dengan ringkas. Walau bagaimanapun, jawapan PK1 dan PK2 tentang jenis-jenis strategi yang terlibat dalam pelaksanaan pendekatan bertema adalah betul. Antaranya maklum balas peserta kajian:

“...Pendekatan bertema merangkumi 3 strategi. Strategi 1 diguna sekiranya sub tema yang dipilih itu berbeza dengan mata pelajaran lain, kalau strategi 2 digunakan semasa sub tema sama dengan mata pelajaran lain dan strategi 3 pula boleh digunakan sekiranya cikgu laksanakan PBL projek ah..”
PK 1

“... Ada 3 sahaja. Strategi satu, cikgu boleh pilih sub tema yang beza dengan subjek-subjek lain. Kalau strategi 2 sub temanya kena sama dengan subjek lain. Strategi 3 pembelajaran berasaskan projek...”
PK 2

Sub Tema 3: Langkah

Perancangan dan proses pendekatan bertema dalam PdP memerlukan perbincangan guru di dalam pantia yang sama dan di antara pantia atau mata pelajaran yang berbeza. Berdasarkan Buku Panduan Pendekatan Bertema terdapat enam langkah yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan pendekatan bertema. Soalan seterusnya dikaitkan dengan pengetahuan guru tentang langkah pelaksanaan pendekatan bertema. Justeru PK 1 dan PK2 diminta untuk memberitahu proses perancangan pendekatan bertema. PK1 dan PK2 telah memberikan penjelasan dan antara maklum balas adalah seperti berikut:

“... mula dengan mengadakan PLC untuk semua guru. Selepas itu, guna buku teks, DSKP kena pilih tema. Lepas tahu mata pelajaran yang akan bergabung bersama, baru guru yang berkaitan bincang strategi yang sesuai. Lepas itu baru bina RPT dengan isi maklumat-seperti, mata pelajaran, standard pembelajaran, sub tema, strategi, tempoh masa, aktiviti, pentaksiran. Lepas RPT itu siap, baru guru akan bina RPH masing-masing dan laksanakan PdP...”
 PK1

“...Kami ikut 6 langkah seperti dalam buku panduan tersebut. Dalam mesyuarat guru, kami diminta bincang untuk memilih tema, strategi aktiviti dan jenis pentaksiran. Lepas itu kita buat RPT yang lengkap dalam google sheet. Kemudian guna RPT untuk buat RPH ...”
 PK 2

Pengaplikasian Pendekatan Bertema dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Pengaplikasian pendekatan bertema dalam PdP memerlukan guru membuat perancangan sebelum, semasa dan selepas yang teratur. Sesi temu bual turut diadakan bersama kedua-dua peserta kajian untuk mengetahui bagaimana peserta kajian merancang dan mengaplikasikan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu. Dalam konteks ini, terdapat dua konstruk utama ditetapkan oleh pengkaji untuk menjawab soalan kajian dua. Konstruk pertama adalah perancangan yang dibuat oleh peserta kajian sebelum melaksanakan PdP Bahasa Melayu. Manakala konstruk kedua adalah berkaitan pelaksanaan semasa PdP Bahasa Melayu.

Jadual 3: Amalan pengajaran Pendekatan Bertema dalam PdP Bahasa Melayu

Konstruk	Tema	Subtema	PK 1	PK 2	Jumlah
Perancangan	Kandungan	Tema	/	/	2
		Subtema	/	/	2
		Standard Pembelajaran	/	/	2
		Strategi	/	/	2
		Kemahiran	/	/	2
		RPT	/	/	2
		RPH	/	/	2
		Bahan pengajaran	/	/	2
Pelaksanaan	Proses	Penerangan	/	/	2
		Aktiviti	/	/	2
	Pentaksiran	/	/	2	

Jadual 3 menunjukkan konstruk perancangan dan pelaksanaan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu. Analisis tematik mendapati terdapat tiga sub tema utama yang diperoleh hasil daripada temu bual yang dilaksanakan, iaitu kandungan, proses dan pentaksiran. Maklum balas yang diperoleh adalah berpandukan pengalaman dan amalan yang dilaksanakan semasa PdP.

Tema: Kandungan

Sub Tema: Tema, Sub Tema dan Standard Pembelajaran

Pemilihan tema, sub tema, kandungan pelajaran merupakan komponen yang sangat penting dalam merancang dan melaksanakan pendekatan bertema. Terdapat lapan tema utama yang dicadangkan dalam buku panduan bagi membantu guru membuat perancangan PdP. Manakala penentuan sub tema yang bersesuaian dengan standard pembelajaran yang hendak dicapai dalam PdP perlu ditentukan oleh guru. Tambahan pula guru perlu mengambil kira minat, pengalaman murid serta kemudahan bahan dan sumber semasa menentukan tema dan sub tema.

Maklum balas PK 1 dan PK2 berkaitan pemilihan tema, sub tema dan standard pembelajaran adalah seperti berikut:

“...perkara utama perlu dipilih tema, sub tema dan standard pembelajaran. Bagi subjek Bahasa Melayu saya gunakan DSKP dan buku teks yang sedia ada. Bincang dengan subjek lain dan pilih tema dan sub tema yang murid dan berminat...”
PK 1

“... Standard kandungan dan standard pembelajaran sangat penting, sebab tema utama dan sub tema yang dipilih itu kena sesuai dengan SP. Ketiga-tiga perkara tersebut dipilih daripada DSKP dan buku teks Bahasa Melayu...”
PK 2

Sub Tema: Kemahiran

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu ada lima kemahiran yang perlu diberi fokus seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan tatabahasa. Justeru, soalan yang seterusnya ditanya berkaitan pemilihan kemahiran dan mengaplikasikan pendekatan bertema. Maklum balas yang ringkas diberi oleh PK1 dan PK2 dan antaranya adalah seperti berikut:

“...Saya pernah mengaplikasikan Pendekatan bertema dalam semua kemahiran Bahasa Melayu...”
PK 1

“...Tidak ada masalah dengan pemilihan kemahiran. Tapi saya pernah guna masa ajar kemahiran menulis dan tatabahasa saja lah...”
PK 2

Sub Tema: Strategi

Pemilihan strategi perkara penting dalam pelaksanaan pendekatan bertema. Terdapat tiga strategi dalam pelaksanaan pendekatan bertema dan satu strategi perlu dipilih berdasarkan tema atau sub tema mata pelajaran lain. Lantaran itu, soalan turut ditanyakan berkaitan pemilihan strategi bagi pelaksanaan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu. PK 1 dan PK2 memberitahu cara guru memilih strategi bagi melaksanakan PdP Bahasa Melayu. Antaranya adalah maklum balas para peserta kajian:

“..., Bincang dan pilih tema utama dulu dan lepas itu baru tengok sub tema. Kalau sub tema berlainan dengan mata pelajaran lain, kita kena pilih strategi 1. Kalau sub tema sama dengan mata pelajaran lain, maksudnya itu adalah strategi 2. Kalau melibatkan projek, itu adalah strategi 3. saya pernah tiga strategi ini...”
PK 1

“...Saya pernah guna strategi 1 dan 3 masa BM. Masa bincang dalam mesyuarat, saya dengan rakan cikgu mata pelajaran lain tengok sub tema bawah tema utama dan baru pilih strategi ini...”
PK 2

Sub Tema: Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

PK 1 dan PK 2 turut berkongsi cara mereka membuat Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Tambahan pula mereka memberikan maklumat penting yang perlu dinyatakan dalam RPT dan RPH. Antara berikut merupakan maklum balas daripada PK1 dan PK2:

“...Keseluruhan RPT bukan setiap cikgu kena bina sendiri. Di sekolah saya penyelaras pendekatan bertema dah sediakan templet dalam bentuk Google Sheet. Dalam templet itu ada kolum SK, SP, tema utama, sub tema, strategi, tempoh masa, dan jenis pentaksiran yang dibuat. Lepas bincang, saya isi bahagian saya BM dan cikgu mata pelajaran lain isi bahagian dia. Nanti lepas semua cikgu isi template itu, penyelaras akan edarkan hardcopy dan softcopy kepada semua cikgu. Dalam RPT itu kita boleh nampak lah mata pelajaran yang memilih tema yang sama, sub tema, strategi dan lain-lain. Saya rujuk balik RPT untuk buat RPH, formatnya ikut je yang sedia ada. Dalam bahagian kolum pendekatan saya tulis pendekatan bertema...” PK1

“...Masa perjumpaan terakhir untuk Pendekatan bertema ini kami buat RPT. Cikgu-cikgu semua buka DSKP dan Buku teks terus bincang isi tema utama, sub tema, strategi, aktiviti, tempoh masa, pentaksiran. RPT siap. Format penulisan RPH sama sahaja dengan sebelum ini. Saya nyatakan pendekatan bertema pada bahagian atas RPH. Dekat bahagian aktiviti, saya nyatakan aktiviti, jenis pentaksiran dan lain-lain...” PK 2

Sub Tema: Bahan Pengajaran

Seterusnya, dua-dua peserta kajian menyediakan bahan pengajaran berdasarkan tema, sub tema dan mengikut tahap pembelajaran murid. PK 1 dan PK 2 turut melaksanakan PdP dengan menggunakan bahan pembelajaran mawjud dan digital. Berikut adalah maklum balas peserta kajian berdasarkan sub tema bahan pengajaran:

“...memang bahan pengajaran berdasarkan tema, sub tema yang dipilih dan lagi penting bahan itu sesuai dengan minat murid dan tahap penguasaan murid. Saya pernah guna bahan pembelajaran seperti buku teks, kamus, slide penerangan untuk tunjuk contoh gambar, kartun. Bahan konkrit pun ada guna seperti tanaman bunga, buah-buahan, robot mainan ikut uh tema, sub tema yang dipilih. Kalau latihan dan lembaran ada saya buat sendiri dalam talian sebab banyak bahan yang dalam talian tak berapa dikaitkan dengan tema yang saya ajar. Jadi saya buat sendirilah seperti Kahoot, live work sheet, kuiz ikut tema dan sesuai aras murid. Murid yang pandai soalan dia susah sikit dan murid sederhana dan lemah soalan lain saya buat. Bagi projek saya minta murid buat sendiri poster, buku skrap, video, slaid pembentangan. Yang mereka buat dalam talian saya minta hantar dalam google classroom, projek yang mereka buat secara mawjud ada yang dilekat pada dinding bilik darjah dan ada yang diletak di sudut pameran...” PK 1

“... Saya pastikan bahan pembelajaran itu memang dikaitkan dengan tema dan sub tema baru murid boleh kaitan pengetahuan sedia ada mereka. Set induk saya ada guna video, penutup dan langkah dua ada juga saya guna slaid, video, selepas itu saya pernah memberi latihan kuiz google form dikaitkan dengan tema. Lembaran ada yang guna dalam talian dan ada juga saya buat untuk murid ikut tahap mereka. Buku latihan tambahan yang ada soalan-soalan berdasarkan tema pun saya print dan bagi dekat murid sebagai aktiviti tambahan...” PK 2

Tema: Proses**Sub Tema: Penerangan dan Aktiviti**

Maklum balas peserta kajian mengikut tema proses memperlihatkan kedua-dua peserta memulakan sesi PdP dengan penerangan dan diteruskan dengan aktiviti. Antara maklum balas peserta kajian mengenai penerangan adalah seperti berikut:

“...Dalam buku teks BM setiap tajuk sudah diberi mengikut tema. Jadi masa penerangan saya kait kemahiran dan content dalam buku teks, saya akan beri banyak lagi contoh situasi, aktiviti individu, aktiviti kumpulan, latihan berkaitan tema yang dibincangkan...” PK 1

“...Dua-dua kena beri fokus. Kemahiran disampaikan dengan tema. Jadi saya beri contoh, latihan soalan, aktiviti semuanya dikait dengan tema. Masa penerangan pun saya dah kaitkan dengan tema dan sub tema yang dipilih supaya murid penerangan dapat gambaran dan pemahaman yang betul....” PK2

Maklum balas seterusnya diberikan oleh PK1 dan PK2 yang menunjukkan bahawa aktiviti yang dilaksanakan semasa PdP.

“... Berpusatkan sebab pendekatan bertema menekankan pembelajaran bermakna dan pembelajaran sendiri. Jadi saya laksanakan aktiviti di mana murid kena bertindak sendiri cari jawapan, berikan pendapat, berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Saya ada buat aktiviti galley walk, Think-pair Share, pembentangan individu dan kumpulan, persembahan. Ada juga saya bagi tajuk dan minta murid bincang dan cari maklumat dalam Internet, buat slaid dan bentang di hadapan kelas...” PK1

“...Murid yang laksanakan aktiviti. Saya bimbing mereka sahaja. Saya minta murid buat peta I-think dan bentang, beri peluang kepada setiap murid berkongsi pengalaman mereka, pengetahuan, pendapat, idea mereka berkait dengan topik yang diajar. Permainan seperti kotak beracun, kerusi panas dan permainan kuiz Kahoot, pertandingan juga saya pernah laksanakan. Yang penting setiap aktiviti saya kaitkan dengan tema yang pilih untuk PdP tersebut...” PK2

Tema: Pentaksiran

Berdasarkan jadual 3, tema ketiga merujuk kepada pentaksiran. Berdasarkan dapat temu bual yang dikumpul, PK1 dan PK2 melaksanakan pentaksiran sepanjang proses PdP. Antara berikut merupakan maklum balas peserta kajian:

“... Penilaian berterusan seperti biasa kita laksanakan dalam kelas. Saya akan nilai murid daripada penglibatan murid tersebut, kemahiran komunikasi dengan dengan guru dan rakan-rakan, cara dia berfikir secara kreatif dan inovatif untuk menyelesaikan masalah, persembahan yang disampaikan. semua akan lihat...” PK1

“... Ya saya laksanakan pentaksiran berterusan. Saya akan nilai murid dengan bermulanya PdP sehingga dia mencapai objektif pdp yang ditetapkan. Setiap tindakan murid akan saya perhatian sebelum saya beri tahap penguasaan...” PK 2

7. Perbincangan

Keperluan pengetahuan memainkan peranan yang amat penting bagi seorang guru untuk mengajar. Sehubungan itu, guru Bahasa Melayu juga perlu mempersiapkan diri dengan segala pengetahuan dalam sesuatu aspek yang melibatkan pengajaran. Tanpa pengetahuan berkaitan pendekatan baharu yang diaplikasikan dalam pengajaran, guru tidak akan dapat melaksanakannya dengan baik dan berkesan. Berdasarkan data temu bual yang diperolehi, kedua-dua peserta kajian mempunyai pengetahuan tentang konsep pelaksanaan pendekatan bertema. Guru mempunyai kefahaman yang betul mengenai kaedah, pemilihan strategi dan langkah-langkah pelaksanaan pendekatan bertema. Dapatan ini bermaksud peserta kajian selaku guru Bahasa Melayu telah mempersiapkan diri dengan pengetahuan tentang pendekatan bertema.

Seterusnya, perancangan pengajaran merupakan keprihatinan dan tanggungjawab seorang guru dalam membuat pengajaran berkesan (Zamri, 2021). Justeru, perancangan pengajaran yang lengkap dan bersesuaian dengan murid perlu diberi keutamaan oleh guru agar sesi pengajaran yang disampaikan dapat memberi input yang berkesan. Dalam kajian ini peserta kajian selaku Guru Bahasa Melayu membuat perancangan yang teratur sebelum melaksanakan pengajaran menggunakan pendekatan bertema dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan enam langkah pelaksanaan pendekatan bertema seperti yang dinyatakan dalam buku panduan pendekatan bertema yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Tambahan pula, Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang digunakan lengkap dengan maklumat seperti nama mata pelajaran, standard kandungan, standard pembelajaran, tema utama, sub tema, strategi, aktiviti, pentaksiran, dan tempoh pelaksanaan. Guru perlu membuat satu perancangan yang betul dalam membina RPT untuk melaksanakan pendekatan bertema dalam PdP Bahasa Melayu. Dalam kajian ini guru-guru mempunyai pengetahuan mengenai pendekatan bertema dan sudah amalkan pendekatan bertema di sekolah. Silvia & Hadiyanto (2019) dengan menyatakan sekolah dan guru sudah siap dan mampu untuk melaksanakan pembelajaran tematik dalam proses pembelajaran.

Selain itu, penggunaan DSKP dan buku teks penting untuk pemilihan tema dan sub tema bagi subjek Bahasa Melayu. Dalam konteks pemilihan tema utama dan sub tema, kolaborasi antara guru mata pelajaran lain dikatakan sangat penting untuk melaksanakan pendekatan bertema dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Tanpa kerjasama antara guru mata pelajaran lain pemilihan tema, sub tema dan penyediaan RPT tidak dapat dilaksanakan dengan teratur. Perkara ini turut dinyatakan sebagai langkah utama dalam Buku Panduan Pendekatan bertema (2018) seperti Komuniti Pembelajaran Profesional PLC atau bengkel kerja perlu dijalankan supaya guru dapat menyediakan RPT serta pemetaan standard pembelajaran yang sesuai dengan tema yang telah ditentukan. Seterusnya penyediaan RPT yang mengandungi maklumat seperti mata pelajaran, standard kandungan, standard pembelajaran, tema, sub tema, strategi, aktiviti, tempoh masa, dan jenis pentaksiran menjadi rujukan utama bagi guru-guru untuk menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini membuktikan bahawa penyediaan RPT yang lengkap dan sistematik dapat menjadi satu rujukan yang sangat membantu guru-guru melaksanakan sesi PdP bertema yang berkesan.

Dalam pengajaran, guru perlu memberi fokus kepada objektif utama yang perlu dicapai oleh murid dan disertakan dengan penerangan berkaitan tema yang dipilih sebagai medium

pembelajaran. Seterusnya, bahan pengajaran dan aktiviti yang digunakan semasa pelaksanaan PdP perlu berdasarkan tema tanpa mengabaikan minat dan tahap penguasaan murid. Dari segi penggunaan bahan pengajaran, guru perlu menggunakan bahan maujud dan bahan pembelajaran digital yang bersesuaian dengan minat murid dan bahannya berbeza mengikut aras penguasaan murid. Guru-guru juga perlu bertindak lebih kreatif dengan menggunakan bahan digital seperti Kahoot, kuiz digital, slaid penerangan dan lain-lain bahan untuk memperluaskan lagi peluang pembelajaran digital dan pembelajaran sendiri dalam kalangan murid. John (2015), kurikulum bertema akan mempengaruhi amalan pengajaran guru yang lebih kreatif dan berkesan. Manakala Chon Kon Min (2014) turut menyatakan pendekatan tematik mempermudah proses pengajaran serta meningkatkan kreativiti guru.

Bukan itu sahaja amalan pengajaran bertema lebih berfokuskan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid yang menyeronokkan dan hal ini menjadikan proses pembelajaran bertema menjadi lebih interaktif. Aktiviti yang dilaksanakan semasa PdP Bahasa Melayu turut berfokus kepada kemahiran interpersonal dan intrapersonal murid. Manakala pentaksiran yang dilaksanakan semasa pengajaran pendekatan bertema adalah sama dengan pentaksiran pendekatan pembelajaran yang lain. Pelaksanaan pentaksiran berterusan dengan melibatkan masa yang sebenar, suasana yang sebenar dan hasil kerja murid yang sebenar. Berdasarkan penggunaan bahan pengajaran, pelaksanaan aktiviti dan pentaksiran menunjukkan guru-guru dapat melaksanakan PdP dengan mengaplikasikan pendekatan bertema mengikut abad ke-21 yang sesuai dengan tahap perkembangan murid. Hal ini turut dikatakan oleh Davis & Shankar Brown (2011) pembelajaran bertema merupakan satu pendekatan yang sesuai untuk perkembangan pelajar kerana pendekatan ini dapat membolehkan guru melaksanakan pengajaran yang berkualiti mengikut abad ke-21.

Secara keseluruhan, pendekatan bertema menjadi tunjang utama dalam mewujudkan peluang kepada guru untuk melaksanakan PdP yang bermakna dalam kalangan murid. Justeru, pelaksanaan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan perancangan yang sistematik dalam kalangan guru. Amalan pengajaran pendekatan bertema yang berkualiti dari aspek perancangan dan pelaksanaannya dapat dilihat dalam pernyataan Suharman, Maya Agustina dan Tengku Hafinda (2022), guru dapat membentuk rancangan pengajaran bertema dengan berkesan dan juga dapat melaksanakan dan membuat menilai pembelajaran tematik bersepadu dengan baik. Manakala dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian Tarmizi (2008) dan kajian Novtryananda M.S Ghunu (2022). Dalam kajian mereka menyatakan bahawa kekurangan pemahaman guru tentang kurikulum bertema secara mendalam menyebabkan guru sukar mengaitkannya dalam pengajaran. Justeru dapatan tersebut bertentangan dalam kajian ini kerana guru-guru telah menunjukkan pengetahuan yang baik mengenai konsep pendekatan bertema dan mengaplikasikannya dalam sesi PdP Bahasa Melayu. Jelasnya bahawa, pelaksanaan pendekatan bertema dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada usaha dan kebijaksanaan guru sendiri di mana guru perlu mengambil langkah untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan baharu dan sentiasa mengaplikasikan PdP yang berkualiti kepada murid.

8. Kesimpulan

Secara keseluruhan, pelaksanaan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu memerlukan pengetahuan guru yang luas, dan perancangan yang rapi. Guru memainkan peranan utama dalam merancang dan melaksanakan pendekatan bertema dalam sesi PdP. Hasil kajian menunjukkan guru Bahasa Melayu membuat perancangan yang sistematik dan dapat melaksanakan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran

Bahasa Melayu. Tambahan pula, guru mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan pendekatan bertema kerana penggunaannya adalah sangat penting bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Jelasnya guru dan murid boleh bersama-sama meneroka pembelajaran yang bermakna dan memperoleh maklumat baharu melalui penggunaan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pendekatan bertema perlu diimplementasikan dalam subjek Bahasa Melayu di semua sekolah. Satu kajian lanjutan yang lebih mendalam diharapkan dapat dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif ataupun kualitatif untuk melihat penerimaan pelajar terhadap penggunaan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Rujukan

- Chon Kon Min .2014. Kefahaman dan Amalan Terhadap Pendekatan Tematik Daripada Perspektif Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Di Negeri Perak. Tesis ijazah Mater, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative Research* (2nd ed.). New Jersey: Pearson Esah
- Davies, M. & Shankar-Brown, R. (2011). A programmatic approach to teaming and thematic instruction. *North Carolina Middle School Association Journal*, 26 (1), 1 – 17
- Ghunu, N. M. S. (2022). The challenges of remote area elementary schools in thematic curriculum implementation. *International Journal of Instruction*, 15(2): 19-36. Diakses daripada [dhttps://doi.org/10.29333/iji.2022](https://doi.org/10.29333/iji.2022)(12 Jun 2023)
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2018). *Panduan Pendekatan Bertema dalam Pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
- Merriam, B. S. (2001). *Case Study Research In Education: A Qualitative Approach*. California: Josey –Bass Inco.
- Mohd Rohiman & Rohizani Yaakub. 2021. Pengetahuan Pedagogi Guru Cemerlang Bahasa Melayu Dalam Pengajaran Komponen Sastera: Satu kajian kes. *Asian People Journal*, 4(1): 50-64. Diakses dari: <http://dx.doi.org/10.37231/apj.202/> ((12 Jun 2023)
- Mohd Rohiman, Azlinda & Ismail. 2022. Pelaksanaan pengajaran guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaKU: Satu kajian kes. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1):419-427. Diakses dari: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd> (12 Jun 2023)
- Nooriza Kassim & Effandi Zakaria. 2015. Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. Prosiding Seminar Education Graduate Regional Conference. Diakses dari: https://www.researchgate.net/publication/278848211_Integrasi_kemahiran_berfikir_aras_tinggi_dalam_pengajaran_dan_pembelajaran_matematik_Analisis_keperluan_guru (12 Jun 2023)
- Nury Yuniasih, Iskandar Ladamay & Dyah Tri Wahyuningtyas. 2013. Analisis Pembelajaran Tematik pada kurikulum 2013 di Sdn Tanjungrejo 1 Malang. *Relawan Journal*, 1 (2): 148-152. Diakses dari: <https://doi.org/10.53400/mimbar-sd.v1i2.876> (12 Jun 2023)
- Noor Lela Ahmad & Nur Afrina Haziqah Azman. 2020. Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru Prinsip Perakaunan Berasaskan Model Slavin. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1):53-62. Diakses dari: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01-06> (12 Jun 2023)
- Saraswathi & Leo Stanly. 2018. Thematic Based Instruction - A Trendy Approach. *UGC Approved Journal*, 8 (2): 1-5. Diakses dari: https://www.researchgate.net/publication/340885788_Thematic_Based_Instruction_-_A_Trendy_Approach (12 Jun 2023)

- Silvia & Hadiyanto (2019), Kesiapan Dan Kemampuan Guru Dalam Menerapkan Pembelajaran Tematik Terpadu Di Sekolah Dasar Gugus 01 Baruah Gunuang. *Jurnal Basicedu*, 3(2): 524-532. Diakses dari :10.31004/basicedu. v3i2.35 (12 Jun 2023)
- Siti Hendon, Faizah Ghazali & Khir Johari. 2017. Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tematik untuk Menangani Masalah Pembelajaran Murid Murid Tercicir di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih. *Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1): 7-18. Diakses dari: <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8213/5684> (12 Jun 2023)
- Suharman, Maya Agustina & Tengku Hafinda. 2022. Integrated Thematic Learning during COVID-19 Pandemic. *Jurnal Pendidikan*, 14 (2): 1439-1450. Diakses dari <http://journal.staihubbulwathan.id/index.php/alishlah> (12 Jun 2023)
- Yvonne J. John1. 2015. A “New” Thematic, Integrated Curriculum for Primary Schools of Trinidad and Tobago: A Paradigm Shift. *Journal of Higher Education*, 4 (3): 172 - 187.
- Zamri Mahamod. 2021. *Linguistik Terapan dan pengajaran Bahasa*. Bangi. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.